

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November, 1991

ATP205 - PENGURUSAN AWAM

Masa : [3 jam]

-----  
**ARAHAN**  
-----

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan di BAHAGIAN A adalah WAJIB dan pilih SATU soalan dari setiap BAHAGIAN.

**BAHAGIAN A (WAJIB)**  
-----

1. Perancangan amat penting dalam sektor awam, khususnya sebelum sesuatu polisi ataupun projek dilaksanakan. Pilih satu polisi ataupun projek awam. Jelaskan langkah perancangan polisi atau projek awam dan faktor-faktor yang perlu diambil kira.

[25 markah]

**BAHAGIAN B**  
-----

2. "Struktur birokrasi yang seringkali digunakan dalam organisasi sektor awam ialah faktor utama yang menghalang organisasi daripada terus berjaya seperti di dalam sektor swasta". Bincangkan pendapat anda mengenai pernyataan ini.

[25 markah]

3. Kerajaan mengwujudkan perbadanan awam dan juga menggalakkan polisi penswastaaan dengan alasan untuk mempercepatkan lagi tahap pembangunan negara. Adakah penswastaaan menggalakan pengurusan yang lebih cekap? Bincangkan pendapat anda tentang isu ini.

[25 markah]

BAHAGIAN C

-----

4. Dua prinsip yang sering timbul dalam pengurusan awam:

(a) Keadilan sosial 'Social equity'.

(b) Kebajikan untuk masyarakat "Public good/public interest".

Bagaimanakah kedua-dua prinsip ini mempengaruhi gaya pengurusan dan sistem penilaian prestasi sektor awam di Malaysia.

[25 markah]

5. "Pengawasan ke atas tingkah-laku yang dikatakan "pecah amanah" adalah tanggungjawab ketua dan pemimpin organisasi yang berkenaan. Masalah ini tidak dapat diatasi maka memadai jika dikawal sahaja". Bincangkan pendapat anda tentang isu ini.

[25 markah]

BAHAGIAN D

-----

6. Pemilihan kakitangan dalam sektor awam dikatakan mengikut prinsip kelayakan (meritocracy). Bagaimanakah prinsip ini dapat menentukan tahap perkembangan dan kejayaan sesebuah organisasi awam?

[25 markah]

ATP205

7. Pada masa ini negara kita sedang menghadapi masalah pengekalan kakitangan. Bilangan kakitangan sektor awam yang berpindah ke sektor swasta untuk berkerja semakin meningkat. Alasan yang sering diberi ialah perbezaan tahap gaji dan peluang kenaikan pangkat yang lebih baik di sektor swasta.

Apakah tindakan dan cadangan anda untuk menyelesaikan isu ini?

[25 markah]

---ooo0000ooo---